

Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 19/09/2018  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 19  
Tajuk : ANGKASA lancar MUKMIN50

KOSMO! RABU 19 SEPTEMBER 2018

NEGARA! 19

## Pelan pascabayar terbaharu dengan kerjasama redONE khusus untuk ahli sahaja

# Angkasa lancar MUKMIN50

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
dan WAN SITI AMINAH ABDUL WAHAB

**P**ETALING JAYA – Syarikat telekomunikasi, Red One Network Sdn. Bhd. (redONE) dengan kerjasama MyAngkasa Amanah Bhd. (MAAB) dan MyKhairat Management Services Sdn. Bhd. (MyKhairat) melancarkan pelan pascabayar terbaharu, MUKMIN50 yang dilengkapi dengan perlindungan insurans pada harga mampu milik.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, MUKMIN50 dicipta khas bagi penjawat awam dan kakitangan Agensi Berkaitan Kerajaan (GLC) yang berdaftar dengan Angkasa.

Katanya, MUKMIN50 menawarkan perlindungan insurans, Khairat Premium bernilai sehingga RM12,100.

“Walaupun Khairat Premium berunsur Islam, pelan pascabayar itu boleh dilanskan oleh golongan bukan Muslim.

“Penjawat awam dan kakitangan GLC



ABDUL FATTAH (empat dari kanan) bergambar bersama Ahmad Saruji (tengah), Mohd. Yusni (tiga dari kanan) dan Teh (empat dari kiri) pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama strategik di Kuala Lumpur semalam.

yang berdaftar dengan pelan ini tidak perlu bimbang tentang bil bulanan kerana ia akan ditolak terus dari gaji bulanan mereka menerusi Sistem Potongan Gaji

Angkasa,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama

Strategik antara MAAB, redONE dan MyKhairat di Wisma Ungku Aziz di sini semalam.

Hadir menandatangani perjanjian kerjasama tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif MAAB, Datuk Ahmad Saruji Abdul Aziz; Ketua Pegawai Eksekutif MyKhairat, Mohd. Yusni Ismail dan Pengasas redONE, Ben Teh.

Menurut Abdul Fattah, pelan pascabayar MUKMIN50 yang berharga RM50 sebulan itu didatangkan dengan 15 gigabit data 4G LTE dan panggilan suara tanpa had ke semua rangkaian.

Sementara itu, Teh berkata, tiada deposit atau yuran pendaftaran diperlukan untuk mendaftar dengan pelan tersebut dan pelanggan baharu akan diberi rebat satu bulan yuran.

Mereka yang berminat mengenai Khairat Premium boleh menghubungi talian 011-1052 5907 manakala maklumat berkaitan MUKMIN50 boleh didapati menerusi talian Khidmat Pelanggan redONE di 1-300-11-0088.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA